



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-224 BIL. 31/ 2026

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN RAYUAN BAGI PENEMPATAN DI KOLEJ KEDIAMAN UNTUK SESI AKADEMIK 2026/2027 BAGI PELAJAR KATEGORI MERAH BERDASARKAN KEDUDUKAN MATA NILAI ADAB

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Kepada Semua Pelajar Kanan UMPSA.

Dimaklumkan bahawa proses pengisian penempatan kolej kediaman bagi pelajar berstatus Hijau dan Kuning telah pun selesai dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Sehubungan itu, masih terdapat **baki kekosongan** penempatan yang terhad di **Kolej Kediaman DHU, UMPSA Kampus Pekan**. Oleh yang demikian, pihak universiti membuka permohonan rayuan khas kepada pelajar **Kategori Merah** yang berminat untuk mendapatkan penempatan di kolej kediaman tersebut. Permohonan rayuan akan dinilai berdasarkan **kedudukan Mata Nilai ADAB, justifikasi keperluan penginapan serta kekosongan penempatan yang masih ada**.

Berikut merupakan maklumat penting berkaitan permohonan rayuan:

1. **Tempoh Permohonan:** 13 Julai 2026 (Isnin) hingga 15 Julai 2026 (Rabu)
2. **Kaedah Permohonan:** Permohonan rayuan hendaklah dibuat melalui pautan berikut (<https://forms.gle/qomJE6zd229PfuBi7>)
3. **Dokumen Sokongan:** Pelajar yang mempunyai alasan kukuh (seperti masalah kesihatan, keselamatan, kewangan dan lain-lain) **dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan** bagi membantu proses penilaian dan pertimbangan.
4. **Keputusan Rayuan:** Keputusan akan dimaklumkan secara rasmi melalui e-mel selepas proses semakan dan pertimbangan selesai dilakukan.

Nota Penting:

- Permohonan rayuan tidak menjamin penempatan di kolej kediaman.
- Rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan kekosongan semasa dan keutamaan keperluan pelajar.
- Pelajar dinasihatkan untuk memastikan segala maklumat yang diberikan adalah lengkap dan tepat sebelum dihantar.

Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) sentiasa prihatin terhadap kebajikan pelajar. Mengambil kira kapasiti penempatan yang terhad, setiap permohonan akan dinilai secara telus, adil dan saksama. Keutamaan akan diberikan kepada pelajar yang benar-benar memerlukan penginapan atas faktor kritikal seperti kesihatan, keselamatan, kewangan dan kebajikan.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak pengurusan kolej kediaman melalui e-mel di residen@umpsa.edu.my.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

Disediakan Oleh:

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh: 13 Julai 2026